

Jenis Akhbar : *Harian Metro*  
Tarikh : *11/04/2020*  
Edisi / Muka Surat : *Nasional / 21*  
Tajuk : *BizCare sedia dana RM300j*

**Kuala Lumpur:** Bank Rakyat terus memberi fokus membantu koperasi, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan perniagaan mikro serta semua segmen perniagaan teras runcitnya yang terjejas akibat Covid-19.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Rosman Mohamed berkata, Kempen BizCare yang dilancarkan baru-baru ini memperuntukkan dana berjumlah RM300 juta untuk tujuan terbabit.

Katanya, Bank Rakyat mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat yang konsisten secara purata berjumlah RM1.6 bilion setiap tahun bagi lima tahun kebelakangan ini dan membolehkan kumpulan menyumbang semula ke-



BANK Rakyat fokus bantu koperasi, PKS dan perniagaan mikro.

pada masyarakat dan pelanggan.

"Prestasi ini juga mem-

bolehkan Bank Rakyat menerjemahkannya dalam bentuk pulangan dividen ber-

jumlah dua digit kepada anggota selama lebih daripada 10 tahun serta sumbangan zakat dan hibah melebihi RM30 juta.

"Kejayaan ini dicapai menerusi semangat kerja berpasukan yang tinggi oleh semua lapisan warga kerja dan keteguhan Jawatankuasa Pengurusannya yang antara lainnya memberi perhatian terhadap aspek pemasaran dan pemulihan kredit," katanya.

Pada masa sama, hala tuju BR25 yang diumumkan sebelum ini akan dinilai semula berikutan keperluan dan kehendak segmen pelanggan pastinya berubah selepas pasca Covid-19 yang akan mengubah seluruh landskap ekonomi.